

# Buang isu politik, dahulukan kepentingan rakyat

*Kerajaan Selangor wajar cari jalan penyelesaian terbaik tamatkan krisis air*

Penstrukturuan industri air di Selangor memasuki episod baharu susulan pendirian Menteri Besar, Datuk Mohamed Azmin Ali yang menamatkan perjanjian persefahaman (MoU) antara kerajaan negeri dikuasai pakatan pembangkang pimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dengan kerajaan Persekutuan.

Alasan utama Mohamed Azmin tidak meneruskan perjanjian itu adalah kerana mahu menjaga kedaulatan tanah Selangor yang menjadi laluan paip air sepanjang 26,000 kilometer daripada ‘terjatuh’ ke tangan kerajaan Persekutuan.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR menggaskan beliau tidak rela ‘tanah Selangor’ dirampas kerajaan Persekutuan kerana menganggap tanah berkenaan bukan ‘aset air’ yang sudah dinaik taraf oleh syarikat konsesi.

Secara mudah, Menteri Besar Selangor itu berpendapat kerajaan Persekutuan tidak berhak untuk memiliki tanah yang menempatkan segala aset air dan menjadi laluan jajaran paip air di negeri itu apabila perjanjian itu dimuktamadkan.

Mohamed Azmin pasti memiliki alasan kukuh mengapa beliau bertegas dalam hal ini. Namun adakah semua pihak perlu akur bahawa kedaulatan tanah Selangor adalah lebih penting dalam hal ini berbanding kepentingan pengguna.

#### Meningkatkan kualiti air

Walau bagaimanapun, bagi membincangkan isu penstrukturuan industri Selangor ini, sewajarnya semua pihak menolak ke tepi isu politik, sebaliknya melihat ia dari sudut perundungan dan kepentingan orang ramai.

Isu ini membabitkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006) yang mana ia membenarkan kerajaan Persekutuan mengambil alih aset industri air di negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menstruktur semula industri air di Malaysia. Semua inisiatif yang diambil kerajaan Persekutuan dalam penstrukturuan semula industri air adalah bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan bekalan air terawat demi kepentingan pengguna di seluruh negara.

Penstrukturuan industri air ini sudah menampakkan mutu perkhidmatan dan bekalan air terawat kepada pengguna meningkat di negeri yang terlebih dahulu berhijrah ke rejim pelesenan baharu iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Malah kerajaan Pulau Pinang yang dijerajui DAP juga bersetuju berhijrah ke rejim pelesenan baharu kerana percaya,

penstrukturuan semula diperlukan untuk meningkatkan kualiti air di negeri itu.

Pada masa sama, ia meringankan beban pembiayaan pembangunan infrastruktur air yang ditanggung kerajaan negeri serta syarikat konsesi selama ini kerana ia kini menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Jika kerajaan DAP di Pulau Pinang boleh menerima dan mempercayai penstrukturuan industri air dengan kerajaan Persekutuan tanpa perlu berdolak-dalih dalam soal kedaulatan tanah atau aset serta pegangan konsesi, mengapa pula kerajaan Selangor tidak boleh melakukan perkara sama?

Penyerahan aset air kepada PAAB ini tidak menimbulkan isu kedaulatan tanah kerana apa yang penting adalah untuk menjaga dan membela kepentingan pengguna dalam mendapatkan bekalan air bersih terawat, tegas Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Mohd Ridhuan Ismail.

“Semua negeri yang menyertai penstrukturuan semula industri air tidak langsung tidak menimbulkan isu kedaulatan tanah. Perjanjian yang menyebabkan pengambilalihan aset industri air negeri sudah tentu membabitkan pengambilalihan tanah yang menempatkan bangunan, loji dan jajaran paip.

“Akan tetapi selepas tamat tempoh perjanjian, semuanya akan dikembalikan kepada kerajaan negeri, tertakluk kepada sya-

**“Isu air tidak wajar dipolitikkan dan dijadikan modal politik untuk menyerang atau menjatuhkan parti atau individu tertentu. Saya percaya ruang perbincangan masih wujud antara kedua pihak terbabit kerana ia membabitkan isu yang perlu diberi keutamaan”**

**Dr Haliza Abdul Rahman,**  
Pakar industri pengurusan air



Paras di Empangan Sungai Selangor Kuala Kubu susut terutama pada musim kemarau dan menjaskan bekalan air di Lembah Klang.

rat terkandung dalam perjanjian ditandatangani kerajaan negeri dan Persekutuan,” katanya.

#### Selesaikan syarat utama perjanjian

Jika diteliti semua proses penstrukturuan ini, MoU yang ditandatangani antara kerajaan Selangor dan kerajaan Persekutuan pada 12 September tahun lalu mensyaratkan Selangor sepatutnya menyempurnakan syarat dalam perjanjian utama itu termasuk urusan pindah milik aset air kepada PAAB.

Selepas kerajaan Selangor menyelesaikan urusan pindah milik aset air itu kepada PAAB, barulah PAAB dapat menyediakan peruntukan perbelanjaan modal (CAPEX) berjumlah RM1.68 bilion bagi membantu Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membiayai kos pengambilalihan syarikat konsesi kepada PAAB.


Isu lain yang timbul termasuk urusan pindah milik aset air syarikat konsesi air (CCWA) kepada PAAB sebagai balasan kepada pengambilalihan liabiliti syarikat konsesi oleh PAAB yang berjumlah RM7.65 bilion.

Akan tetapi, mengikut Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, kerajaan Selangor ketika ini masih belum memuktamadkan senarai aset air miliknya untuk membolehkan lesen individu kemudahan dikeluarkan oleh SPAN kepada Air Selangor. Malah kerajaan Persekutuan melalui PAAB juga menyediakan peruntukan sejumlah RM2 bilion bagi membantu kerajaan negeri mengambil alih ekuiti syarikat konsesi.

Justeru, dalam perkembangan terbaru ini, soal kedaulatan tanah sepatutnya bukan dijadikan isu besar sehingga menyebabkan kerajaan Selangor membatakan perjanjian berkenaan.

Adakah Menteri Besar Selangor tidak menyedari dan melihat semua negeri yang

Kerajaan Selangor wajar mencari langkah penyelesaian yang menyeluruh bagi mengelakkan masalah air terus memberi kesan kepada rakyat dan pembangunan negeri.



sudah berhijrah kepada rejim baharu pengurusan industri air berdasarkan WSIA 2006 Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang menyerahkan aset air mereka kepada PAAB termasuk tanah yang menempatkan aset berkenaan?

#### Semak semula tawaran

Mengulas perkara ini, pakar industri pengurusan air, Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berpendapat kerajaan Persekutuan perlu menyemak kembali tawaran dan perjanjian sebelum ini dan selepas itu baharu meneruskan perbincangan dengan kerajaan Selangor bagi mencari kaedah terbaik menyelesaikan isu berkenaan.

Namun katanya, ia perlu mempunyai tempoh yang sudah ditetapkan dan tidak boleh dibiarkan berlarutan tanpa had masa.

"Mungkin 'orang tengah' yang berpengalaman, berpengetahuan, berpengaruh dan tiada kepentingan perlu dilantik dalam perbincangan kedua belah pihak dalam isu ini agar tindakan segera dapat diambil bagi merungkaikan isu ini. Jika ini gagal, kemungkinan mahkamah terpaksa berperanan, namun diharapkan ini adalah pilihan terakhir yang diambil," katanya.

Haliza yang bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Perkerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut berpendapat walau apa juga keputusan yang diambil, kepentingan rakyat Selangor dan Lembah Klang harus diutamakan. Air adalah bahan keperluan asasi bagi kelangsungan hidup manusia.

"Dalam hal ini, isu air tidak wajar dipolitikkan dan dijadikan modal politik untuk menyerang atau menjatuhkan parti atau individu tertentu. Saya percaya ruang perbincangan masih wujud antara kedua pihak terbabit kerana ia membabitkan isu yang perlu diberi keutamaan," katanya.



Sebahagian besar penduduk Selangor terkesan dengan masalah bekalan air terawat yang belum menemui jalan keluar.

# Rakyat mual krisis air tidak berpenghujung

Rakyat di Selangor dan sekitar Lembah Klang sebenarnya sudah bosan dengan isu air dan mengharapkan agar bekalan air tidak lagi dicatu atau terputus.

Pengguna percaya, jika aset dan infrastruktur air di Selangor diuruskan dengan cekap, baik dan bersepadan selain tidak ada pihak mengambil kesempatan mempolitikkan isu air, maka bekalan air di Selangor dan Lembah Klang akan menjadi cekap serta tidak menjadi satu masalah yang besar.

Ini pandangan disuarakan pensyarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman.

Beliau berpendapat, kerajaan Selangor perlu bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan kerana Perlembagaan sudah dipinda dan meletakkan kuasa pengurusan industri air menjadi tanggungjawab bersama negeri dan pusat.

#### Usah rumitkan keadaan

Bagi beliau, krisis perjanjian penstrukturkan industri air di Selangor boleh ditangani dengan mudah jika tidak ada pihak merumitkan keadaan, selain membuka pintu rungding dan meletakkan kepentingan rakyat mengatas segala-galanya.

"Saya tidak bersetuju isu air dipolitikkan. Isu air ini tidak hanya membabitkan Selangor sahaja tetapi juga Putrajaya dan Kuala Lumpur kerana air di kawasan itu dibekalkan melalui Selangor," katanya.

Persatuan Air Malaysia (MWA) pula kesal

dengan tindakan Menteri Besar, Datuk Mohamed Azmin Ali membatalkan perjanjian penstrukturkan air Selangor kerana ia akan menimbulkan 'keadaan tidak menentu' dalam industri air negeri Selangor.

Presidennya, Syed Mohamad Adnan Mansor Alhabshi mahu kontroversi yang berbangkit ini diselesaikan segera demi kebaikan rakyat dan pelabur di Selangor serta sekitar Lembah Klang.

#### Pelabur hilang kepercayaan

"Jika kerajaan Selangor terus bersikap seperti ini, pelabur dalam dan luar negara akan hilang kepercayaan terhadap kemampuan Malaysia untuk mengurus sumber air dengan cekap. Akhirnya, pendapatan Selangor dan Malaysia terjejas," jelasnya.

Kerajaan Selangor katanya, perlu sedar bahawa perjanjian itu adalah bertujuan meningkatkan sistem takungan, kapasiti merawat air mentah dan penggantian paip siamen asbestos yang sudah luput usia di seluruh Selangor.

Apa yang penting kata beliau ialah, MWA amat berharap kerajaan Selangor sedar perjanjian itu amat penting bagi memastikan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dapat dieruskan bagi menjamin bekalan air bersih dan terawat mencukupi untuk keperluan bagi 10 hingga 15 tahun yang akan datang.

Penamatan perjanjian itu juga akan menjadikan projek untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) yang masih tinggi di sekitar 35 peratus ketika ini.



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini dikiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

**我们回家吧!**  
Wǒ men huí jiā ba  
**JOM PULANG!**



Untuk maklumat berkenaan kursus,  
silai hubungi:  
Tel: 603-41442788  
Faks: 603-41443098  
Laman Web: www.hccm.com.my/ms  
E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 71

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video



1300 22 6787  
www.bharian.com.my

The New Straits Times Press (M) Bhd

